

Sinar Harian - 10 Okt 2019

Anwar kesal gurauannya dengan Dr Mahathir diputar belit

KUALA LUMPUR - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim kesal apabila gurauannya bersama Tun Dr Mahathir Mohamad selepas sesi sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana pada Ahad lalu diputar belitkan sehingga beliau didakwa memaki Perdana Menteri itu.

Jelas Anwar, situasi antara beliau dengan Dr Mahathir yang tular dalam media sosial sejak kebelakangan ini adalah semata-mata bergurau demi menaikkan semangat maruah Melayu.

Kejadian tersebut turut diperhatikan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu.

"Jelas saya bergurau dengan PM (Perdana Menteri) dan Mat Sabu (Mohamad) demi menaikkan semangat maruah (Melayu). Ini semua picians," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini semalam menjelaskan mengenai video yang menjadi tular tersebut

Sebelum ini, video berkenaan yang memaparkan Anwar berkata kepada Dr Mahathir secara bergu-

rau: "Sejak balik daripada Kongres Maruah ini, (Dr Mahathir) lain macam."

Ia kemudian dikritik Penye-laras Parlimen Jasin, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan yang mempersoalkan tindakan Anwar yang didakwa

menyebut perkataan 'Kongres Barua' menerusi video tersebut.

Kelmarin, Setiausaha Akhbar Anwar, Tunku Nashrul Tunku Abaidah berkata, Anwar tidak menyebut perkataan 'barua' sebaliknya menjelaskan Presiden PKR itu menyebut perkataan 'maruah'.

Tunku Nashrul juga meminta semua pihak tidak melaga-lagakan Anwar dengan Dr Mahathir.

